



**PERUTUSAN DATUK BANDAR
MESYUARAT MAJLIS BIL. 13/2023
15 DISEMBER 2023 (2 JUMADAL AKHIRAH 1445H)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, syukur kepada Yang Maha Esa kerana dengan izin dan limpah-Nya kita dapat bersua dan berkumpul lagi dalam Mesyuarat Majlis pada hari ini.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan seluruh kakitangan dan masyarakat Petaling Jaya kerana telah banyak memberi sokongan, sumbangan idea, pendapat yang bernas dan penyertaan dalam aktiviti program yang dianjurkan Majlis.

Program kemasyarakatan merupakan aktiviti yang akan merapatkan lagi jalinan antara Majlis dan penduduk. Semoga kerjasama dan kolaborasi yang berterusan ini, dapat meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan Majlis

kepada penduduk dan mendatangkan keberhasilan yang berimpak tinggi dan memberi manfaat kepada masyarakat Petaling Jaya.

Majlis akan sentiasa menitikberatkan perkhidmatan yang berkualiti dan berintegriti diberikan kepada warga Petaling Jaya sesuai dengan aspirasi dan kehendak penduduk Petaling Jaya. Komitmen yang jitu serta semangat kerja berpasukan merupakan elemen terpenting yang perlu diberdayakan bagi mencapai iltizam dan hasrat Kerajaan Negeri ke arah kemajuan yang lebih pesat dan makmur terutamanya di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Semangat kerja berpasukan mestilah berada di tahap tertinggi dalam memastikan setiap kerja yang diamanahkan dapat dilaksanakan dengan baik dan penuh integriti. Kerja berpasukan dan saling membantu ini sangat penting dan perlu dilaksanakan di semua peringkat agar kita bersama-sama berganding bahu dalam menghadapi apa juu keadaan selain mengekalkan kesetiaan dan perpaduan di dalam masyarakat saling memahami dan rasa bangga untuk menjadi rakyat di Selangor Darul Ehsan.

2. KATAKAN TIDAK KEPADA RASUAH

Pada 9 Disember lalu, masyarakat dunia menyambut Hari Antirasuah Antarabangsa (HARA). Ia disambut pada setiap tahun sejak 2003 apabila Mesyuarat Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menetapkan 9 Disember sebagai hari bagi menyedarkan masyarakat dunia tentang rasuah dan kesan buruknya.

Tema sambutan HARA pada tahun ini dilihat cukup simbolik dan signifikan, iaitu ***Hak Anda, Peranan Anda: Katakan Tidak kepada rasuah.***

Majlis turut mengambil pelbagai inisiatif membendung jenayah rasuah antaranya dengan membangunkan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP), pensijilan MS ISO 37001:2016 ABMS, menganjurkan ikrar bebas rasuah dan program-program pengukuhan Integriti.

Amalan dan budaya rasuah boleh memberi impak kepada keamanan, keselamatan dan pembangunan negara. Katakan tidak kepada rasuah dengan menjunjung nilai-nilai murni serta sentiasa berpaksikan kepada amalan integriti yang tinggi. Tunaikan hak dan peranan kita dalam membendung musuh nombor satu negara ini dari terus merompak kekayaan negara dan kesejahteraan rakyat.

3. MEMBANGUN OKU MADANI

Sambutan Hari OKU disambut setiap tahun pada 31 Disember merupakan manifestasi Kerajaan untuk terus memberikan keutamaan golongan OKU (Orang Kelainan Upaya) melalui program dan aktiviti yang menyumbang kepada pembangunan serta kesejahteraan golongan OKU di negara ini.

Antara aspek penting yang boleh menyokong kemampunan OKU termasuk pendidikan, pembangunan kerjaya, aksesibiliti, hak kesamarataan dan sebagainya. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kira-kira satu bilion atau 15 peratus daripada

populasi dunia terdiri daripada golongan OKU dan 80 peratus daripada jumlah itu berada di negara membangun.

Membangun OKU MADANI telah diangkat sebagai tema sambutan OKU pada tahun ini. Majlis Bandaraya Petaling Jaya sentiasa mengambil peduli kebajikan, permasalahan dan sumbangan Orang Kelainan Upaya (OKU) dalam pembangunan bandar raya Petaling Jaya. Pelbagai program dan aktiviti dilaksanakan mengambil kira komuniti orang OKU termasuklah dalam kerangka pembangunan projek setempat.

Selain itu juga, Majlis turut menyediakan kemudahan dan perkhidmatan mesra OKU bagi memudahkan golongan tersebut. Antara kemudahan mesra OKU yang disediakan adalah penyediaan dua van transit OKU secara percuma, kemasukan percuma untuk kolam renang, perkhidmatan *PJ City Bus* yang bercirikan ‘*Universal Design*’ serta kemudahan aksesibel yang terdapat di dewan, taman, *hub* pengangkutan (Pusat perhentian Bas) di Petaling Jaya dan lain-lain lagi.

Manakala bagi pembangunan sukan pula, golongan OKU turut dilibatkan dalam penganjuran Kejohanan *Goalball* Terbuka Kebangsaan Piala Datuk Bandar dan Karnival Parabandaraya yang melibatkan sukan badminton, bola sepak, boccia, tenis kerusi roda dan bola keranjang kerusi roda. Penganjuran kejohanan sukan golongan OKU ini telah menjadi acara tahunan Majlis bagi memberi peluang sokongan dan dorongan mereka.

Sebagai PBT yang peduli OKU, Majlis akan terus bekerjasama, memberikan sokongan, menambahbaik perkhidmatan dan kemudahan serta sentiasa memberi keutamaan yang utuh kepada golongan OKU.

4. PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR

Majlis Bandaraya Petaling Jaya sentiasa komited dalam memberi perkhidmatan terbaik dan ambil peduli kebajikan serta keperluan penduduk Petaling Jaya meliputi golongan remaja, belia, warga emas, wanita dan Orang Kurang Upaya (OKU) tanpa mengira bangsa dan jantina.

Komitmen ini dizahirkan dengan pengajuran pelbagai program dan aktiviti serta penyediaan perkhidmatan dan kemudahan kepada keseluruhan penduduk Petaling Jaya agar dapat menikmati keunikan, kelestarian dan pengalaman yang indah di Petaling Jaya.

Justeru itu, Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) diwujudkan bagi melaksanakan program dan aktiviti kepada penduduk terutama penduduk miskin bandar yang kebanyakannya tertumpu di kawasan perumahan PPR dan rumah bertingkat sekitar Petaling Jaya. Program ini juga bertujuan membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk meningkatkan taraf hidup di kawasan pentadbiran Petaling Jaya terutama untuk penduduk pendapatan isi rumah di bawah RM 2,500.00.

Selain daripada sumbangan untuk sambutan perayaan, Majlis telah melaksanakan program kemahiran berskala kecil (*one-off*) seperti bengkel kemahiran asas pembaikan/penyelenggaran kenderaan bersama dengan *Bateriku.com* dan bengkel menjahit *Table Runner Easy DIY* bersama dengan Kolej Komuniti Selayang. Majlis turut mengadakan Karnival Kerjaya anjuran bersama PERKESO pada 26 November 2023 yang lalu bagi memberi peluang kepada komuniti khususnya golongan B40 untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh syarikat swasta yang tersedia.

Pada masa kini, Majlis telah bersetuju untuk menggunakan data eKasih yang diselaraskan oleh Pejabat Pembangunan Negeri (ICU) Jabatan Perdana Menteri. Data eKasih ini akan dikemaskini oleh Majlis 2 kali setahun dan berdasarkan maklumat ini penyampaian sumbangan dan pemberian bantuan akan lebih tertumpu kepada kumpulan isi rumah yang benar-benar memerlukan. Ini kerana, maklumat eKasih ini akan dibuat bincian / semakan oleh kakitangan perangkaan di Pejabat ICU.

Pada masa sama, MBPJ menyokong dasar kerajaan persekutuan di peringkat PBT dengan mengemukakan seramai 23 orang pekerja yang memberi perkhidmatan bagi program IKHSAN untuk menerima bantuan di bawah Inisiatif Pendapat Rakyat (IPR). Mereka merupakan pekerja CFS Majlis yang bertugas sebagai penjaga tandas, dewan dan ibu-ibu yang menjahit beg karung kitar. Mereka telah menerima tambahan pendapatan setiap bulan maksimum sehingga RM 800 mengikut kepada pendapatan semasa.

Pada masa akan datang, Majlis juga akan menempatkan mesin layan diri (*vending machine*) yang menjual pek makanan bagi program INSAN dan dicadangkan lokasi yang strategik dan sesuai diletakkan seperti di premis-premis Majlis.

5. PEMBUDAYAAN LANSKAP DAN KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Ke arah imej bandar raya yang menarik dan hijau, Majlis komited memulihara alam sekitar bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan rakyat secara berterusan. Sehubungan itu, Majlis telah memperuntukkan sejumlah RM 600,000 bagi menyambung Program Rejuvenasi Taman Jaya fasa kedua yang telah dimulakan pada tahun 2023 untuk dilaksanakan kerja-kerja menaiktaraf tebing tasik, sistem perparitan, sistem “*water gate*” dan kerja-kerja “*desilting*” kolam.

Majlis turut memberikan perhatian yang serius terhadap kemudahan rekreasi dan sukan di Petaling Jaya yang boleh menyumbang kepada kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat. Untuk maksud ini, Majlis memperuntukkan sejumlah RM5.7 juta untuk kerja-kerja menaiktaraf kemudahan rekreasi, laluan pejalan kaki dan sistem saliran di 15 kawasan lapang dan taman di sekitar Petaling Jaya.

Dari sudut kelestarian alam sekitar pula, Majlis mengakui kepentingan tasik dan kolam tadahan sebagai khazanah alam yang tidak terperi nilainya. Atas kesedaran itu, Majlis memperuntukkan sejumlah RM470,000 bagi meneruskan penyelenggaraan air tasik

di taman-taman awam yang mempunyai tasik dan kolam tadahan sebagai tanda sokongan berterusan Majlis dalam memelihara kualiti persekitaran yang mampan dan berfungsi sebagai penyerap karbon dioksida dari atmosfera dan membekalkan bekalan oksigen ke dalam air bagi keperluan hidupan akuatik.

Majlis telah memperuntukkan sejumlah RM13 juta pada tahun 2024 untuk kerja-kerja penyelenggaraan landskap di 37 kawasan secara inklusif merangkumi penyelenggaraan pokok teduhan, pemotongan rumput dan pembersihan serta pelupusan sampah kebun di taman awam dan kawasan lapang bagi mengekalkan persekitaran bandaraya yang bersih dan indah.

Majlis juga memperuntukkan sejumlah RM3.3 juta bagi melantik 14 kontraktor panel untuk membantu Majlis dalam melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan kerja-kerja pembaikan alatan senaman luar, peralatan permainan kanak-kanak dan kemudahan sediada di dalam taman dan sekitar Petaling Jaya berdasarkan kepada penemuan di tapak atau aduan daripada pengguna.

Bagi meneruskan pelaksanaan Program Pembudayaan Lanskap bersama komuniti, Majlis memperuntukkan sejumlah RM 250,000 bagi menggalakkan penglibatan masyarakat dan meningkatkan kesedaran berkaitan landskap melalui Program Pertanian Bandar Kebun Kita dan Program Kawasan Lapang Angkat yang menjurus kepada kemampanan sosial di kalangan komuniti.

6. PEMUTIHAN KAWASAN *BLACKSPOT* DI PETALING JAYA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya akan melaksanakan dasar dan program ke arah bandar selamat dengan melaksanakan Program Pemutihan semua kawasan *blackspot* bagi memastikan pencahayaan yang baik, tempat pakir motosikal yang selamat, laluan pejalan kaki yang selamat dan dipantau oleh CCTV.

Sehubungan dengan itu, Majlis akan memperuntukkan bagi pemasangan CCTV berjumlah RM 282,030 dan Projek Pemutihan Kawasan *Blackspot* Tahun 2024 di Kawasan Pelangi Damansara PJU 7 dengan peruntukan RM300,000.

Bagi mewujudkan persekitaran bandaraya selamat, peruntukan sebanyak RM550,000 disediakan menerusi Pasukan Keselamatan Kejiran Petaling Jaya (PKKPJ) kepada Persatuan Penduduk (RA), Rukun Tetangga (RT) dan Badan Pengurusan Bersama (JMB) pada tahun 2024. Sumbangan geran ini bertujuan untuk mewujudkan dan memperkasakan program di kawasan kejiran penduduk yang kondusif dan selamat.

7. BAJET 2024 : KEUTAMAAN MENYELENGGARA DAN MENAIKTARAF CERUN

Pada tahun 2024, keutamaan untuk menyelenggara dan menaiktaraf cerun di kawasan Petaling Jaya akan dilaksanakan segera. Bagi mencapai tujuan tersebut, peruntukan sambungan sebanyak RM 2.5 juta disediakan untuk kerja-kerja Penyelenggaraan Cerun di kawasan terpilih di Petaling Jaya dan

Kerja-Kerja Pembaikan Dan Penstabilan Di Rezab Cerun Belakang Lorong Utara, Seksyen 52.

Untuk memastikan Petaling Jaya sebagai bandar raya selamat dan berdayatahan, peruntukan bagi penyelenggaraan longkang sebanyak RM 7.5 juta akan disediakan pada tahun 2024. Cadangan kerja-kerja tebatan banjir dan menaiktaraf sistem perparitan akan dilaksanakan di kawasan seperti berikut :-

- a) Menaiktaraf Parit Hujan Lebat Serta Lain-Lain Kerja Yang Berkaitan Di Jalan 21/9, Seksyen 21 Dan Kawasan Sekitarnya, Petaling Jaya (Projek Sambung 2023/2024)
- b) Menaiktaraf Longkang Bahu Jalan Serta Lain-Lain Kerja Berkaitan Di Sebahagian Jalan 229, Seksyen 51A, Petaling Jaya (Projek Sambung 2023/2024)
- c) Kerja Penyelenggaraan Tidak Berjadual Parit Tepi Jalan Dan Penutup Longkang Di Keseluruhan Petaling Jaya Meliputi 14 Kawasan (Projek Baru 2024)
- d) Menaiktaraf Sistem Saliran Di Sebahagian Jalan 17/1, Sebahagian Jalan Profesor Di Raja Ungku Aziz Dan Sebahagian Jalan 19/1, Petaling Jaya (Projek Baru 2024 / 2025)

8. BANGUNAN SELAMAT KEUTAMAAN MAJLIS

Bagi memastikan pemilik yang telah menerima notis 85A mematuhi dan memenuhi keperluan garis panduan MBCS-MBPJ serta memastikan perunding yang dilantik memahami skop pemeriksaan mengikut garis panduan yang ditetapkan, baru-baru ini Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menganjurkan Taklimat Pemantapan Kecekapan Mandatori Pemeriksaan Bangunan Berkala (MBCS-MBPJ) seksyen 85A akta 133.

Penganjuran taklimat ini, menunjukkan tahap keseriusan dan komitmen tinggi MBPJ untuk mewujudkan persekitaran perbandaran yang bebas-risiko serta memastikan kesinambungan pembangunan fizikal yang selamat dan sejahtera terutama bagi bangunan-bangunan melebihi 5 tingkat dan yang telah berusia lebih 10 tahun. Ia juga memberikan kefahaman yang lebih jelas terhadap pemakaian seksyen 85a, yang meliputi skop dan tanggungjawab pihak berkuasa tempatan, pemilik dan perunding serta pengemukaan laporan bangunan mengikut garis panduan MBCS-MBPJ.

Pemanfaatan kecekapan pemeriksaan keadaan bangunan secara berkala sangat penting dan dapat menyumbang kepada proses penambahbaikan kualiti bangunan secara berterusan kerana kebanyakan tragedi bangunan yang berlaku adalah bangunan-bangunan sedia ada yang telah berusia melebihi 10 tahun. MBPJ komited untuk terus menyediakan perkhidmatan perbandaran yang cekap, selaras dengan espektasi yang tinggi daripada pihak berkepentingan di Petaling Jaya.

9. PELAKSANAAN PENGUATKUASAAN KENDERAAN BERAT

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan ke atas isu halangan kenderaan berat di kawasan Petaling Jaya. Pemantauan, rondaan dan operasi penguatkuasaan termasuk berkolaborasi bersama agensi sahabat seperti Polis Di Raja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD).

Sepanjang tahun 2023, Majlis telah menerima sebanyak 59 aduan kenderaan berat dan tindakan penguatkuasaan telah dilaksanakan seperti berikut :

- a) 1,677 tindakan kompaun di bawah Perintah Pengangkutan Jalan, Peruntukan Tempat Letak Kereta MBPJ (2007) serta Undang-Undang Kecil Taman MPPJ (2005).
- b) Tiga (3) operasi bersepadu bersama agensi-agensi penguatkuasaan terlibat.
- c) 33 kertas siasatan telah disediakan ke peringkat pendakwaan dan 24 kes telah dijatuh hukum.

Majlis juga telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi memastikan penguatkuasaan secara efektif ke atas isu kenderaan berat seperti pemasangan papan tanda larangan meletakkan kenderaan berat dikawasan *hotspot*, pemantauan melalui kamera litar tertutup (CCTV), serta penguatkuasaan kadar denda maksima dibawah perundangan digunakan.

Sehubungan dengan itu, Majlis berharap agar semua pemilik dan pengusaha kenderaan berat agar sentiasa cakna serta mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan.

10. TINDAKAN PENGUATKUASAAN KE ATAS PREMIS MAKANAN YANG TIDAK BERSIH

Premis makanan yang tidak mematuhi syarat kesihatan dan gagal mengutamakan kebersihan dan keselamatan makanan, Majlis melalui Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekutaran akan melaksanakan tindakan penguatkuasaan di bawah Undang-undang Kecil yang sedang berkuatkuasa.

Setiap pengusaha premis makanan dan pengendali makanan adalah wajib untuk mengetahui dan mematuhi syarat-syarat dan keperluan kesihatan untuk menjalankan aktiviti perniagaan berasaskan makanan dan minuman. Antara syarat yang perlu mengambil berat oleh pemilik/pengendali makanan :

- a) Semua pengendali makanan adalah WAJIB mendapatkan suntikan pelalian anti-tifoid (suntikan Ty2) dan menghadiri kursus pengendali makanan
- b) Semua pengendali makanan mengamalkan kebersihan diri yang baik seperti berpakaian bersih dan bersetuaian, memakai apron yang bersih, berpenutup kepala dan berkasut, berkuku pendek, bersih dan tidak memakai barang perhiasan diri dan tidak melakukan apa-apa perlakuan atau tindakan yang boleh menyebabkan pencemaran makanan.

- c) Setiap premis makanan wajib memasang dan menyelenggara perangkap sisa makanan, minyak dan lemak serta cerobong asap untuk menjaga kebersihan disekitar premis
- d) Pengendali makanan juga DILARANG menggunakan tempat awam seperti lorong belakang dan siarkaki untuk aktiviti penyediaan makanan dan pencucian peralatan
- e) Wajib menjalankan aktiviti kawalan lipas, lalat, tikus (LILATI) dan serangga (pest control)
- f) Memastikan tandas dalam keadaan bersih dan diselenggara serta dilengkapi dengan kemudahan seperti sabun, tisu atau alat pengering tangan, tong sampah bertutup dan alat semburan pewangi yang mencukupi.

Bagi premis makanan yang didapati gagal mematuhi syarat yang telah ditetapkan, tindakan penguatkuasaan seperti penutupan premis makanan akan dilaksanakan mengikut dasar yang telah ditetapkan untuk tindakan kerja pembersihan oleh pihak pemilik premis. Sepanjang tahun 2023, sejumlah 177 premis makanan telah dikenakan tindakan penutupan dengan pecahan mengikut undang-undang kecil dan kesalahan :

KESALAHAN	BILANGAN PREMIS MAKANAN YANG DIKENAKAN TINDAKAN PENUTUPAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG KECIL		
	UUK PERLESENAN ESTABLISYmen MAKANAN (MBPJ) 2007	UUK PENJAJA (MBPJ) 2007	UUK PASAR (MBPJ) 2007
Premis Makanan Tidak Bersih	134 <i>(1 premis dikemukakan kepada PUU untuk tindakan mahkamah kerana ingkar arahan penutupan)</i>	4	-
Menjalankan Operasi Tanpa Lesen Majlis	35	-	-
Menggunakan pembantu dari kalangan warga asing <i>(kesalahan hanya ke atas penjaja dan peniaga kecil)</i>	-	-	4
JUMLAH	169	4	4
JUMLAH KESELURUHAN	177		

Alhamdulillah, Mesyuarat Majlis kali ke 13 ini merupakan mesyuarat yang terakhir pada tahun 2023. Suka saya nyatakan, berdasarkan apa-apa keputusan bersama yang kita buat adalah tidak lain dan tidak bukan hanyalah untuk kesejahteraan masyarakat dan komuniti penduduk Petaling Jaya.

Di kesempatan ini, mewakili seluruh warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya, saya ingin menzahirkan dan merakamkan ucapan salam takziah buat keluarga adik Zyan Rayyan bin Abdul Matiin di Damansara Damai. Seluruh warga kerja Majlis mendoakan ibubapa adik Zyan Rayyan diberikan kesabaran yang tinggi dalam menumpuhi ujian ini.

Saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Krismas dan Tahun Baru 2024 kepada semua. Semoga segala perkara mahupun program yang kita rencanakan pada tahun hadapan akan membuatkan kita semakin bersemangat, berdedikasi dan berintegriti di dalam menjalankan tugasan harian. Jadikanlah segala urusan kita pada tahun ini sebagai satu tanggungjawab dan beriltizam untuk menghasilkan perkhidmatan yang lebih baik dan berkualiti pada tahun hadapan.

Kepada tuan-tuan dan puan-puan yang akan mula bercuti, saya nasihatkan berhati-hatilah di jalan raya. Pandulah dengan cermat dan penuh berhemah. Kepada ibubapa yang mempunyai anak-anak yang kecil, sentiasalah awasi pergerakan mereka.

Saya juga ingin mengingatkan tuan-tuan dan puan-puan agar sentiasa menjaga kebersihan, penjarakan sosial, dinasihatkan memakai pelitup muka di tempat awam serta kerap membasuh tangan dengan menggunakan sabun atau *hand sanitizer*. Bersama-sama kita membendung penularan pandemik COVID-19.

Sekian, terima kasih.